

01/06/2002

Sektor awam akan bantu swasta tingkatkan ekonomi

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sektor awam akan terus menyokong kegiatan sektor swasta dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mempertingkatkan lagi kegiatan ekonomi.

Malah kata Perdana Menteri, kerajaan akan membantu mengurangkan kos kendalian perniagaan dan meningkatkan kecekapan sektor swasta.

"Ini akan dilakukan dengan memperkemaskan lagi jentera kerajaan agar lebih lancar dan berkesan supaya ia mempunyai sistem penghantaran yang lebih cekap," katanya pada sesi kedua majlis dialog Belanjawan 2003 di sini, hari ini.

Kira-kira 70 wakil pelbagai pertubuhan dan persatuan menghadiri sesi bagi perbincangan yang ditumpukan kepada isu-isu sektoral itu.

Sesi pertama semalam yang juga dipengerusikan oleh Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan membincangkan isu-isu makroekonomi.

Perdana Menteri akan mempengerusikan dua lagi sesi iaitu pada Isnin dan Selasa ini bagi mendapat input untuk Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 September ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan meneruskan lagi usaha menstruktur semula sektor korporat dan kewangan untuk memperkukuhkan lagi industri perbankan dan kewangan.

"Langkah untuk memantapkan lagi urus tadbir korporat akan diteruskan bagi meningkatkan keyakinan pelabur," katanya.

Beliau berkata, Malaysia masih mampu mengelak daripada menghadapi kemelesetan ekonomi dalam persekitaran luar yang sukar dan mengalami kelembapan pada tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, negara mampu mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.4 peratus berbanding beberapa negara jiran yang mengalami kemelesetan meskipun prestasi sektor pembuatan terjejas disebabkan kejatuhan permintaan elektronik global yang mendadak.

"Pengeluaran sektor elektronik yang pernah mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak purata 32.5 peratus bagi tempoh 1999 dan 2000 mengalami kemerosotan sebanyak 20.2 peratus pada tahun lalu.

"Pergantungan yang berlebihan kepada keluaran elektronik bukan saja menjejaskan kegiatan sektor pembuatan keseluruhannya, malah aktiviti ekonomi yang berkaitan dengannya. Berikutan itu, hasil eksport negara turut merosot dengan ketara," katanya.

Beliau berkata, untuk mengimbangi kesan kelembapan sektor luar, kerajaan sudah melaksanakan pakej rangsangan fiskal untuk mencergaskan kegiatan ekonomi dan meningkatkan permintaan dalam negeri.

Katanya, langkah itu disokong dasar kewangan yang sesuai di samping asas-asas ekonomi negara yang semakin mantap.

(END)